



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 30
No. 4

20hb Februari 1986

*TAMBAHAN No. 10
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 36.

PERISYTIHARAN

OLEH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN
AGONG, DENGAN BERKAT ALLAH, BAGI
NEGERI-NEGERI DAN WILAYAH-WILAYAH
MALAYSIA, KEPALA UTAMA NEGARA

(Mohor Besar)

SULTAN ISKANDAR,
Yang di-Pertuan Agong

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (2)
Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan bahawa BETA
boleh memberhentikan penggal Parlimen:

DAN LAGI BAHAWASANYA adalah dikehendaki dan
sesuai supaya Penggal Ketiga bagi Persidangan Parlimen
Malaysia Yang Keenam yang bermula pada dua puluh
lima haribulan Mac, seribu sembilan ratus lapan puluh
lima ditamatkan pada tiga haribulan Mac, seribu
sembilan ratus lapan puluh enam.

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN BETA, Al-Mutawakkil
Alallah Sultan Iskandar, dengan Berkat Allah, Yang
di-Pertuan Agong bagi Negeri-negeri dan wilayah-
wilayah Malaysia, pada menjalankan kuasa-kuasa yang
diberi kepada BETA sebagaimana yang tersebut di atas

3. Regulations 8, 9, 12, 15 and 17 of the Scheme are amended by substituting for the word "Officer" or "Officers" wherever it appears therein the word "Director" or "Directors" respectively. Amendment of regulations 8, 9, 12, 15, and 17.

Made the 9th December 1985.
[KKTKW (S) 30/1/13 sk 3; PN. (PU²) 5/III.]

DATO' HAJI HISAN BIN HAJI IBRAHIM,
Chairman,
Rubber Industry Smallholders Development
Authority

Approved the 21st January 1986.

DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HJ. MOHD. ADAM,
Minister of Land and Regional Development

P.U. (A) 40.

AKTA AKAUNTAN 1967

PERINTAH AKAUNTAN (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 1986

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 14 (7) Akta Akauntan 1967, Menteri, selepas meminta nasihat Institut Akauntan Malaysia, membuat perintah yang berikut: Akta 94.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Akauntan (Pindaan Jadual Pertama) 1986** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 23hb Ogos 1974. Nama dan mula berkuatkuasa.

2. Akta Akauntan 1967 adalah dipinda dengan menggantikan Bahagian I Jadual Pertama dengan Bahagian I yang berikut: Pindaan Jadual Pertama.

PART I

The final examination of the Malaysian Institute of Accountants or, in the national language, 'peperiksaan akhir Institut Akauntan Malaysia'."

Diperbuat pada 7hb Februari 1986.
[Perb. O. 8800; PN. (PU²) 229.]

DAIM BIN ZAINUDDIN,
Menteri Kewangan

ACCOUNTANTS ACT 1967

ACCOUNTANTS (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 1986

IN exercise of the powers conferred by section 14 (7) of the Accountants Act 1967, the Minister, after seeking the advice of the Malaysian Institute of Accountants, makes the following order: Act 94.

1. This Order may be cited as the **Accountants (Amendment of First Schedule) Order 1986** and shall be deemed to have come into force on the 23rd August 1974. Citation and commencement.

Amendment
of First
Schedule.

2. The Accountants Act 1967 is amended by substituting for Part I of the First Schedule the following Part I:

“

PART I

The final examination of the Malaysian Institute of Accountants or, in the national language, ‘peperiksaan akhir Institut Akauntan Malaysia’.”

Made the 7th February 1986.
[Perb. O. 8800; PN. (PU²) 229.]

DAIM BIN ZAINUDDIN,
Minister of Finance

P.U. (A) 41.

AKTA AKAUNTAN 1967

PERINTAH AKAUNTAN (PINDAAN JADUAL PERTAMA) (NO. 2) 1986

Akta 94.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 14 (7) Akta Akauntan 1967, Menteri, selepas meminta nasihat Institut Akauntan Malaysia, membuat perintah yang berikut:

Nama dan
mula ber-
kuatkuasa.

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Akauntan (Pindaan Jadual Pertama) (No. 2) 1986.**

(2) Perenggan (b), (c), (d) dan (e) Bahagian I Jadual Pertama kepada Akta Akauntan 1967, sebagaimana dimasukkan ke dalam Akta melalui pindaan-pindaan yang terkandung dalam perenggan 2 Perintah ini, hendaklah masing-masingnya disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1975, 1hb Mac 1978, 1hb Januari 1981 dan 1hb Januari 1983.

Pindaan
Jadual
Pertama.

2. Akta Akauntan 1967 adalah dipinda dengan menggantikan Bahagian I Jadual Pertama dengan Bahagian I yang berikut:

“

PART I

(a) the final examination of the Malaysian Institute of Accountants or, in the national language, ‘peperiksaan akhir Institut Akauntan Malaysia’; or

(b) the final examination of the University of Malaya for the Diploma in Accounting or, in the national language, ‘peperiksaan akhir Universiti Malaya untuk Diploma Perakaunan’; or

(c) the final examination of the University of Malaya for the Degree of Bachelor of Accounting or, in the national language, ‘peperiksaan akhir Universiti Malaya untuk Ijazah Sarjanamuda Perakaunan’; or

(d) the final examination of Universiti Kebangsaan Malaysia for the Degree of Bachelor of Accounting (Honours) or, in the national language, ‘peperiksaan akhir Universiti Kebangsaan Malaysia untuk Ijazah Sarjanamuda Perakaunan (Kepujian)’; or